



SIARAN MEDIA

KPKT SALURKAN RM203.45 JUTA UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN SOSIO-EKONOMI DI NEGERI PAHANG

KUANTAN, 3 Mei 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM203.45 juta untuk pembangunan infrastruktur awam di Negeri Pahang** menerusi siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT pada pagi ini. Peruntukan ini meliputi pelaksanaan projek-projek pembangunan dan naik taraf infrastruktur awam, pembangunan, perumahan, landskap, kebombaian dan komuniti demi kesejahteraan penduduk setempat.

Peruntukan tersebut meliputi **pelaksanaan 42 projek pembangunan dan naik taraf iaitu sebanyak RM202.47 juta** dan bantuan kewangan bagi kerja-kerja pembaikan serta penyelenggaraan **10 buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sebanyak RM973 ribu** di Negeri Pahang pada tahun 2025.

Peruntukan KPKT sebanyak RM202.47 juta meliputi pelaksanaan projek pembangunan dan naik taraf seperti berikut :

- i. Lapan (8) projek kediaman di bawah Program Residensi Rakyat (PRR)- **RM61.73 juta;**
- ii. Dua (2) program naik taraf di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) - **RM5.86 juta;**
- iii. Enam (6) projek berkaitan pembinaan baharu, naik taraf serta perolehan tanah balai dan kuarters Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) - **RM7.3 juta;**
- iv. Empat (4) projek pembangunan melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - **RM21.13 juta;**
- v. Lima (5) projek pembangunan dan naik taraf landskap - **RM6.17 juta;**
- vi. Tujuh (7) projek pengurusan sisa pepejal - **RM23.61 juta;**
- vii. Tiga (3) kajian iaitu dua (2) Kajian Rancangan Tempatan yang melibatkan PBT berkaitan dan satu (1) Kajian Rancangan Struktur Negeri - **RM2.3 juta;**
- viii. Dua (2) program berkaitan Program Baik Pulih Rumah Di Bandar dan Program Bina Baharu Rumah di Bandar - **RM2.25 juta;**
- ix. Tiga (3) projek melibatkan Kampung Baru Cina - **RM8.67 juta;** dan
- x. Satu (1) Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) - **RM63.45 juta.**

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), "Peruntukan yang diluluskan oleh KPKT ini adalah belanjawan berasaskan prestasi atau *"performance-based budget"*. Ini bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT dalam

penambahbaikan infrastruktur awam dapat terus dipertingkatkan serta memastikan bahawa setiap projek tidak hanya memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga berdaya maju dari segi ekonomi.

YB KM dan pasukan KPKT memulakan jelajah Sentuhan Kasih KPKT di Kuantan, Pahang dengan meninjau **Projek Menaik Taraf Pasar Besar Awam, Kuantan**. Projek ini telah siap pada 30 Mac 2025 bagi memberi kesejahteraan dan keselesaan kepada para pengunjung dan peniaga. Seterusnya YB KM menyempurnakan **Majlis Penyerahan Peruntukan Penyelenggaraan RIBI** yang melibatkan **10 buah RIBI** di Negeri Pahang.

Siri lawatan kerja ini diteruskan dengan **Majlis Penyerahan Kunci Rumah RMR** kepada lima (5) orang penerima unit kunci RMR dan tiga (3) unit kunci Rumah Bina Baharu Rumah di Bandar. Jumlah peruntukan keseluruhan bagi RMR berjumlah **RM379,500** melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Penyerahan ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk membina 5,450 unit RMR di seluruh negara menerusi Bajet 2025. Pada tahun ini, sejumlah 782 unit RMR akan dibina di Negeri Pahang dengan peruntukan keseluruhan adalah sebanyak RM63.45 juta. Sehingga kini, sejumlah 472 unit RMR telah berjaya dibina di Negeri Pahang.

Seterusnya YB KM turut menyempurnakan **Simbolik Penyerahan Mock Cheque Peruntukan Pembangunan dan Perancangan** kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang, YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff. Peruntukan ini adalah untuk kesejahteraan rakyat khususnya di Negeri Pahang.

YB KM seterusnya melawat **Projek Menaik Taraf Kemudahan Taman Awam Taman Tasik Lestari Teluk Chempedak**. Projek ini membuktikan KPKT cakna dan menyokong aktiviti riadah persekitaran demi mewujudkan komuniti yang sihat.

KPKT melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan MADANI bagi memastikan agenda pembangunan nasional dapat dijalankan secara holistik dan menyediakan persekitaran serta pembangunan yang berdaya huni kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI
#Kemampuhan
#Kesejahteraan
#Ihsan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

